

## Plumbum (Pb) atau Timah Hitam

- Di Amerika Syarikat, Suruhanjaya Keselamatan Produk Pengguna (CPSC) dan *Public Interest Research Group (PIRG)* menemui kandungan plumbum yang tinggi di dalam cat yang digunakan pada permainan. Mereka juga telah menemui kandungan Vinyl melebihi had dibenarkan dalam bekas makanan dan alat-alat perhiasan diri kanak-kanak.
- Kanak-kanak yang terdedah kepada plumbum yang tinggi akan mengalami perkembangan IQ yang lembap, perkembangan otak terencat dan mungkin juga menyebabkan kematian.
- Semua sumber plumbum harus dijauhkan daripada kanak-kanak.
- Larang kanak-kanak memasukkan alat permainan ke dalam mulut.
- Amalkan membasuh tangan sebelum makan.

### PERTANYAAN

Untuk pertanyaan, sila hubungi



Persatuan Pengguna-Pengguna  
Standard Malaysia  
di talian **03-7874 1622**  
atau layari  
laman web [www.standardsusers.org](http://www.standardsusers.org)

atau



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
bebas tol: **1 800 886 800**  
tel: **03-8882 5500**  
[www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)

Risalah ini diterbitkan oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)  
dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



## Pengguna dan Keselamatan Alat-Alat Permainan Kanak-Kanak



Gabungan Persatuan-Persatuan  
Pengguna-Pengguna Malaysia



Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna (KPDNHEP)

## “ ... lebih daripada satu bilion alat permainan kanak-kanak telah ditarik balik daripada pasaran pada tahun 2007”

Alat permainan kanak-kanak bertujuan untuk mendidik dan memupuk kreativiti kanak-kanak. Ia juga membantu kanak-kanak atau bayi dalam pergerakan otot tangan dan kaki.

Teknologi telah menyumbang kepada peningkatan pelbagai jenis alat permainan kanak-kanak dengan berbagai fungsi dan kebolehan untuk mendidik sambil menghibur kanak-kanak.

Pengguna Malaysia seperti juga berbilion pengguna lain di dunia telah menyaksikan lebih daripada satu bilion alat permainan kanak-kanak yang ditarik balik daripada pasaran, pada tahun 2007.

Sebab utama penarikan balik alat permainan kanak-kanak tersebut adalah kerana kandungan Plumbum (Pb) atau timah hitam yang tinggi dalam cat yang digunakan pada alat permainan itu. Selain itu, ada juga alat permainan yang ditarik balik kerana bahaya tercekik dan mudah terbakar.

Risalah ini memberi beberapa petua yang perlu diberi perhatian oleh para ibu bapa sebelum membeli alat permainan kanak-kanak:

- **Bahaya tercekik (*choking*)**
- **Alat permainan kanak-kanak bermagnet**
- **Bunyi kuat**
- **Bahaya mencekik (*strangulation*)**
- **Bahan kimia toksik**
- **Logam berat seperti Plumbum (Pb)**

### **Bahaya tercekik (*choking*)**

- ELAK daripada membeli alat permainan yang mempunyai atau terdiri daripada bahagian-bahagian yang kecil bagi kanak-kanak berumur kurang daripada 3 tahun.
- SENTIASA BACA dan fahami label pada bungkusannya
- JANGAN memberi bola atau belon kecil kepada kanak berumur kurang daripada enam tahun.

- PASTIKAN garis pusat bola untuk kanak-kanak berumur kurang daripada enam tahun adalah lebih daripada 4.5cm.
- JANGAN memberikan belon yang dibuat daripada lateks kepada kanak-kanak. Belon diperbuat daripada *mylar* adalah lebih selamat.

### **Alat permainan kanak-kanak bermagnet**

- Magnet-magnet longgar pada alat permainan mempunyai potensi ditelan oleh kanak-kanak
- Kecederaan pada salur penghadaman dan bahaya tercekik mungkin terjadi pada kanak-kanak yang menelan magnet.
- JAUHKAN alat permainan yang mempunyai magnet daripada kanak-kanak di bawah enam tahun.

### **Bunyi kuat**

- Telinga kanak-kanak adalah sangat sensitif kepada bunyi.
- JAUHKAN kanak-kanak daripada alat permainan yang mengeluarkan bunyi yang kuat:
  - Jika alat-alat tersebut terlalu bising kepada anda, ia juga tidak sesuai untuk anak-anak anda
  - Tanggalkan / keluarkan bateri atau tutup 'speaker' alat permainan dengan pita.

### **Bahaya mencekik (*strangulation*)**

- JANGAN memberikan sebarang alat permainan yang mempunyai tali yang panjangnya lebih daripada 30cm kepada kanak-kanak berusia di bawah setahun.

### **Bahan kimia toksik**

- Alat permainan atau bahan kosmetik kanak-kanak boleh mengandungi bahan kimia toksik.
  - Jangan membeli alat permainan yang diperbuat daripada plastic PVC (*polyvinyl chloride*)
  - Pilih alat permainan yang dibuat daripada kayu dan kain yang tidak berwarna.
  - Baca label dan elakkan daripada membeli alat-alat kosmetik mainan jika ia mengandungi *xylene*, *toulene* atau *dibutyl phthalate*.